

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]**

**TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan sama ada Kementerian akan meneruskan usaha Kerajaan Pakatan Harapan untuk merunding semula perjanjian konsesi dengan Pakar Scieno TW untuk Environmental Quality Monitoring Program (EQMP) yang bernilai RM846 juta dan sekiranya ya, nyatakan penambahbaikan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, semasa YB memegang jawatan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yang Berhormat telah meminta perjanjian ini untuk disemak oleh 3 pihak termasuk Majlis Kualiti Alam Sekeliling. Semakan tersebut mendapati perjanjian tersebut adalah teratur.
2. Namun di bawah kepimpinan saya, Kementerian sedang merunding dengan Pakar Scieno TW untuk *Environmental Quality Monitoring Program* (EQMP) untuk ditambahbaik tanpa pertambahan kos dan mendapat nilai tambah daripada perkhidmatan sedia ada.

Sekian. Terima kasih.